

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	31 DECEMBER 2016

Pakatan sulit Dr. M-Kit Siang?

Oleh **MAISARAH SHEIKH RAHIM**
pengarang@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 30 Dis. - Bekas Naib Pengerusi DAP, Tunku Abdul Aziz Tunku Ibrahim mendakwa wujud pakatan sulit antara Tun Dr. Mahathir Mohamad dan Lim Kit Siang berhubung siapa yang bakal menjadi Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri jika pakatan pembangkang memenangi Pilihan Raya Umum Ke-14.

Dakwa Tunku Abdul Aziz, tanpa pengetahuan parti-parti sekutu lain terutama PKR, kedua-dua pemimpin itu membuat perjanjian rahsia untuk melantik Datuk Seri Mukhriz Tun Mahathir sebagai Perdana Menteri manakala Kit Siang pula sebagai Timbalan Perdana Menteri.

Beliau turut mendakwa, kenyataan Kit Siang sebelum ini yang menamakan Presiden PKR, Datin

Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail dan Tan Sri Muhyiddin Yassin untuk mengisi dua jawatan itu jika pakatan pembangkang memenangi pilihan raya umum akan datang hanyalah gimik politik.

“Ini kerana Kit Siang percaya pakatan pembangkang tidak akan memperoleh sokongan pengundi Melayu jika perancangan untuk beliau menjadi Timbalan Perdana Menteri itu terdedah.

“Sebagai pemimpin yang pernah berada dalam barisan kepimpinan DAP sebelum ini, saya tahu mengenai perkara ini dan saya tahu perancangan sebenar mereka. Cita-cita Kit Siang dan anaknya tidak ada hadnya,” katanya dalam sidang akhbar di sini hari ini.

Tunku Abdul Aziz berkata, dakwaan beliau itu mempunyai asas selepas Dr. Mahathir menghadiri Konvensyen DAP


pada 4 Disember lalu sekali gus memberi isyarat bahawa tidak akan ada lagi perbincangan



TUNKU ABDUL AZIZ



MUKHRIZ MAHATHIR



DR. MAHATHIR MOHAMAD dan Lim Kit Siang ketika menghadiri Konvensyen PAN di Pusat Konvensyen Shah Alam, Selangor, baru-baru ini.

lanjut berhubung bakal calon pembangkang lain untuk mengisi jawatan Perdana Menteri dan Timbalannya selepas perjanjian rahsia itu.

Berikutan itu, kata beliau, ia secara tidak langsung akan terus menyingkirkan nama Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai Perdana Menteri walaupun ia merupakan pelan asal pakatan pembangkang.

“Serangan berterusan pembangkang terhadap projek Transit Aliran Massa (MRT) hasil inisiatif Perdana Menteri, Datuk Seri

Najib Tun Razak walaupun ia telah memanfaatkan ribuan rakyat hanyalah satu helah politik demi menutup niat sebenar mereka berhubung pelantikan Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri itu.

“Walau bagaimanapun, saya menjangkakan Kit Siang tidak akan mengakui percaturan politik ini dan sudah tentu akan menafikan dakwaan ini kerana ia akan memberi masalah dalam Pakatan Harapan apabila PKR disingkirkan terus dalam perjanjian tersebut,” katanya.

Um- 31/12/2016